

Bajet 2008: Selangor kekal bajet seimbang

SINAR 20.11.2007 MS 2

Daripada jumlah peruntukan tersebut, kata Mohamad Khir, sebanyak RM670 juta diperuntukkan untuk belanja mengurus manakala bakinya untuk belanja pembangunan.

Menurutnya, ia seterusnya mengekalkan nisbah belanja mengurus dan pembangunan negeri itu pada tahun hadapan adalah 50:50.

Daripada peruntukan perbelanjaan mengurus, katanya, sebanyak RM247.6 juta diperuntukkan di bawah perbelanjaan emolumen.

"Peruntukan ini meningkat sebanyak 16 peratus berbanding tahun lalu berikutan kenaikan gaji dan elaun sara hidup kakitangan awam yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan mulai tahun ini," katanya.

Sementara itu, Mohamad Khir memberitahu, sejumlah RM422.3 juta diperuntukkan di bawah perbelanjaan-perbelanjaan lain iaitu perkhidmatan dan bekalan serta pembelean aset.

Bagi pelaksanaan perbelanjaan pembangunan, katanya, sejumlah



Mohamad Khir ketika membentangkan Bajet 2008 pada Sidang Dewan Undangan Negeri Selangor ke-11 semalam.

RM664.4 juta diperuntukkan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Negeri dan RM5.5 juta untuk Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

"Peruntukan Pembangunan diagihkan kepada 11 jabatan yang bertanggungjawab melak-

sanakan projek-projek pembangunan negeri.

"Semua peruntukan itu juga adalah merupakan peruntukan yang disediakan secara langsung melalui peruntukan negeri," jelasnya.

Dalam pada itu, pada sidang akhbarinya selepas pembentangan itu, Mohamad

Khir berkata, dasar seimbang itu merupakan satu kesinambungan yang diteruskan oleh kerajaan negeri sejak enam tahun lalu.

"Konsep ini juga selama ini yang membantu negeri Selangor membangun dengan lebih pesat," katanya.